

# Presiden DPIM kongsi ilmu dengan warga UMP

UTUSAN MALAYSIA (BARU AKADEMIK) 3 NOV 2016 M/S 30

**PEKAN 1 Nov.** - Lebih 200 warga **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** hari ini menambah pengetahuan berhubung jihad perniagaan menerusi syarahan umum bertajuk Teknologi Keusahawanan: Jihad Perniagaan yang disampaikan oleh Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Tan Sri Muhammad Ali Hashim.

Majlis anjuran Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) UMP itu diadakan di kampus utamanya di sini

yang mana Muhammad Ali dijemput untuk menyampaikan syarahan ekoran ketokohan dan pengalaman luasnya dalam dunia perniagaan serta korporat.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus berkata, sebagai sebuah universiti teknikal yang berorientasikan kejuruteraan, sains dan teknologi, perspektif menerusi syarahan umum itu adalah sebahagian daripada usaha menengahkan

teknologi keusahawanan sebagai pemangkin jihad perniagaan.

Kata beliau, ia bertepatan dengan pendekatan UMP apabila universiti itu baru sahaja melancarkan dana endowmennya sendiri pada 1 Oktober lalu dikenali sebagai MyGift.

"Jihad perniagaan menuntut semua pejuang perniagaan mengendalikan perniagaan mengikut kaedah patuh syariah dengan menyetepikan semua amalan merosakkan keberkatan usaha niaga tersebut terutama bersifat

haram serta tidak diredai.

"Di sini letaknya penyesuaian jihad perniagaan dalam konteks tujuan atau maqasid syariah yang menitikberatkan pemeliharaan lima aspek utama kehidupan iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta," katanya di sini.

Rosli percaya ilmu, pengalaman luas dan kepakaran profesional dimiliki Muhammad Ali dalam dunia perniagaan serta korporat dapat dimanfaatkan warga universiti berkenaan.



**MUHAMMAD ALI HASHIM (tengah) dan Rosli Mohd. Yunus (lima dari kanan) bersama peserta seminar dalam Majlis Syarahan Umum di UMP, Kuantan, baru-baru ini. - UTUSAN/ SITI NORIZAT SHIKH ABDUL JALIL**